



**GARIS PANDUAN LANGKAH  
PENCEGAHAN JANGKITAN COVID-19  
SEMASA PENGUATKUASAAN DI TAPAK  
BINA**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI  
PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)**

## KANDUNGAN

<b>1.</b>	<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>2</b>
<b>2.</b>	<b>PEMAKAIAN.....</b>	<b>2</b>
<b>3.</b>	<b>OBJEKTIF.....</b>	<b>2</b>
<b>4.</b>	<b>LANGKAH PENCEGAHAN.....</b>	<b>3</b>
<b>4.1.</b>	<b>SEBELUM PENGUATKUASAAN.....</b>	<b>3</b>
<b>4.2</b>	<b>SEMASA PENGUATKUASAAN.....</b>	<b>5</b>
<b>4.3</b>	<b>SELEPAS PENGUATKUASAAN.....</b>	<b>6</b>
<b>5.</b>	<b>BORANG PENILAIAN COVID-19 (LAMPIRAN A).....</b>	<b>7</b>

## 1. PENDAHULUAN

Penyediaan Garis Panduan ini adalah usaha Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia untuk memastikan keselamatan dan kesihatan Pegawai yang ditugaskan semasa melakukan penguatkuasaan di Tapak Bina dari jangkitan Covid-19.

## 2. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini hendaklah digunakan oleh **SEMUA** Pegawai CIDB yang ditugaskan menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan atau pemeriksaan di tapak bina. Garis Panduan hendaklah dibaca bersama dengan Manual Operasi Penguatkuasaan Semasa PKP CIDB Malaysia, Manual Prosedur Kerja Penguatkuasaan dan sebagai tambahan kepada langkah pencegahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) setakat mana yang boleh dipakai.

## 3. OBJEKTIF

- 3.1. **Sebagai rujukan dan panduan** kepada Pegawai CIDB yang terlibat dengan penguatkuasaan dalam mengambil **langkah pencegahan jangkitan** atau **pengendalian COVID-19** ketika bertugas.
- 3.2. **Mengurangkan risiko jangkitan** COVID-19 di kalangan Pegawai CIDB yang bertugas.

## 4. LANGKAH PENCEGAHAN

### 4.1. SEBELUM PENGUATKUASAAN

- 4.1.1. Pegawai yang mempunyai **SALAH SATU** gejala jangkitan pernafasan akut (sesak nafas, batuk ATAU sakit tekak) **DENGAN/TANPA** demam **TIDAK** dibenarkan bertugas dan pegawai terbabit hendaklah memaklumkannya kepada Ketua Pasukan.
- 4.1.2. Membuat penilaian Risiko Jangkitan Covid-19 seperti di **Lampiran A**. Dapatkan Nasihat dari Pengarah Negeri dan Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat mengenai keputusan Lampiran A yang membolehkan pegawai dijangkiti atau menjangkiti pihak lain. Pengarah Negeri dan Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat perlu rujuk kepada Pihak Kesihatan (KKM).
- 4.1.3. Pegawai yang berada di bawah pemerhatian KKM (*person under investigation & person under surveillance*), Pegawai terbabit hendaklah memaklumkan Ketua Pasukan, dan TIDAK dibenarkan datang bertugas dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- 4.1.4. Pemeriksaan suhu badan hendaklah dilakukan dan di rekodkan setiap hari sebelum memulakan tugas. Proses ini hendaklah dijalankan dengan disaksikan oleh sama ada Ketua Pasukan atau pegawai yang diberikan tugas khas untuk merekod dan memantau kesihatan Pegawai pasukan
- 4.1.5. Lakukan perancangan sebelum pemeriksaan tapak dengan:-
  - a) Mengenalpasti tapak bina;
  - b) Menyemak status COVID-19 pihak-pihak yang berkaitan tapak bina tersebut (Melalui Maklumat Rasmi KKM,, JKPP, Polis Daerah, Klinik Daerah, PBT yang terlibat );
  - c) Sekiranya tapak ada status positif COVID-19/ dalam pemantauan KKM, tangguhkan pemeriksaan dan dapatkan arahan Ibu Pejabat CIDB.( Bahagian Penguatkuasaan).

- d) Dimana pemeriksaan sangat-sangat perlu dilakukan untuk tidak kehilangan bukti dan maklumat penting, maklum dan bincang dengan SEGERA dengan Pengarah Negeri dan Ibu Pejabat untuk memprolehi kebenaran.

4.1.6. Sediakan kelengkapan peralatan:-

- a) *Face mask;*
- b) *Personal hand sanitizer (50ml)* digunakan semasa di tapak bina;
- c) *Hand sanitizer (500ml)* digunakan didalam kenderaan;
- d) *Infrared thermometer;*
- e) Sarung tangan pakai buang;
- f) Bahan nyahkuman untuk kenderaan dan pejabat;
- g) *Face shield;*
- h) Plastik sampah (untuk membuang PPE yang telah digunakan) dan;
- i) Sabun tangan dan bekas tong air;
- j) Selain dari peralatan yang disenaraikan diatas, peralatan lain untuk penguatkuasaan (*Tab, Microsoft surface, kamera dll*) juga perlulah disediakan untuk memudahkan pelaksanaan penguatkuasaan tapak;
- k) Pakaian dan PPE lain untuk penguatkuasaan adalah seperti tatacara pemakaian yang diamalkan seperti biasa seperti pemakaian topi keselamatan dan vest dan;
- l) Kad Kuasa CIDB atau Surat Pemberian Kuasa dari Akta 342.

4.1.7. Memaklumkan kepada pihak Polis Di Raja Malaysia (PDRM) mengenai pergerakan Pegawai untuk penguatkuasaan. Pemakluman boleh dilakukan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) atau Balai Polis yang berhampiran dengan lokasi penguatkuasaan.

4.1.8. Mengehadkan bilangan Pegawai untuk setiap pasukan. Setiap kenderaan, hanya boleh dinaiki oleh dua (2) Pegawai.

- 4.1.9. Pegawai terlibat dan pembahagian tugas adalah tertakluk kepada pentadbiran negeri masing-masing.
- 4.1.10. Sekurang-kurangnya seorang dari pegawai dalam setiap kenderaan mempunyai Kad Kuasa CIDB yang sah dan sekiranya boleh, turut disekalikan dengan Pegawai yang diberi kuasa melalui seksyen 3 Akta 342 bersama pegawai yang memiliki Kad Kuasa CIDB tersebut.
- 4.1.11. Sebagai persediaan, bermula dari pegawai tersebut bertugas pegawai tersebut hendaklah merekodkan tempat dan siapa kontak yang pernah dilakukannya.

## **4.2 SEMASA PENGUATKUASAAN**

- 4.2.1 Sentiasa Memakai Face Mask. Face mask hendaklah ditukar apabila sudah basah atau sudah dipakai mencapai tempoh 4 Jam, yang mana terdahulu.
- 4.2.2 Mewujudkan hubungan (rapport) tanpa bersalaman.
- 4.2.3 Mengamalkan “social distancing” yang disarankan (1.0 Meter). “Social distancing” juga perlu diamalkan di Pejabat masing-masing bukan sahaja di tapak.
- 4.2.4 Memastikan pemeriksaan atau penyemakan dokumen di kawasan terbuka dengan kontak paling minima dengan mana-mana pihak yang berada di tapak bina.
- 4.2.5 Meminimakan masa penguatkuasaan atau pemeriksaan kepada paling minima

**4.2.6 Mengamalkan pencucian tangan yang kerap:-**

- a) Sebelum pergi penguatkuasaan;
- b) Sebelum masuk ke tapak bina;
- c) Selepas menyentuh persekitaran di tapak bina ( memegang dokumen, struktur/ tombol pintu/ dsb);
- d) Selepas keluar dari tapak bina.

**4.3 SELEPAS PENGUATKUASAAN**

- 4.3.1 Mencuci tangan menggunakan air dan sabun sebaik sampai di Pejabat.
- 4.3.2 Melupuskan Face Mask, sarung tangan getah mengikut yang disarankan.
- 4.3.3 Melakukan dekontaminasi beg dan peralatan lain yang tidak boleh dibuang.
- 4.3.4 Buat semburan nyahkuman kenderaan yang masuk tapak
- 4.3.5 Mandi dan membasuh baju sebelum membuat kontak dengan ahli keluarga selepas selesai membuat penguatkuasaan.
- 4.3.6 Mematuhi kehendak laporan dan rekod mengikut mana-mana Manual atau SOP yang dinyatakan di Para 2.

## BORANG PENILAIAN RISIKO PEGAWAI CIDB SEBELUM BERTUGAS

NAMA : .....

NO STAF CIDB : .....

TARIKH PENILAIAN DIBUAT : .....

NO TELEFON : .....

BIL	KRITERIA	PEMATUHAN
a)	GEJALA PENAFASAN AKUT	Ya/Tidak
	-BATUK	Ya / Tidak
	-SESAK NAFAS	Ya / Tidak
	-SAKIT TEKAK	Ya / Tidak
b)	DEMAM	Ya / Tidak
c)	SEJARAH KE LUAR NEGARA ( DALAM MASA 14 HARI SEBELUM BERTUGAS)	Ya / Tidak
d)	MENGHADIRI MAJLIS/PERJUMPAAN YANG ADA KAITAN DENGAN JANGKITAN COVID-19 (DALAM MASA 14 HARI SEBELUM BERTUGAS)	Ya / Tidak
e)	KONTAK RAPAT ( DALAM MASA 14 HARI SEBELUM BERTUGAS)	Ya / Tidak
	-BERKONGSI RUANG KERJA DENGAN PESAKIT COVID-19	Ya / Tidak
	-BERKONGSI KENDERAAN DENGAN PESAKIT COVID-19	Ya / Tidak
	-BERKONGSI RUMAH DENGAN PESAKIT COVID-19	Ya / Tidak
f)	-TINGGAL BERSAMA DENGAN PESAKIT COVID-19	Ya / Tidak

\*Bulatkan yang berkaitan